

**Pandikar teliti tindakan ke atas Ahli Parlimen kerana tuduh Anwar
Malaysian Insider
July 4 , 2013
Oleh Md Izwan**

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia (gambar) berjanji untuk mengkaji tindakan bersesuaian terhadap Ahli Parlimen Simpang Renggam, Liang Teck Meng yang enggan meminta maaf kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum itu, awal pagi tadi Ahli Parlimen Jelutong (DAP) Jeff Ooi Chuan Aun menghantar permohonan kepada Pandikar untuk mengheret Liang ke Jawatankuasa Hak Parlimen kerana membuat tuduhan tidak berasas dan salah guna kekebalan dewan.

"Notis yang saya terima daripada Jelutong, saya akan teliti. Selepas itu saya akan buat tindakan sewajarnya," kata Pandikar di Dewan Rakyat sebaik Liang enggan meminta maaf kepada Anwar walaupun ditawarkan untuk berbuat demikian di sidang dewan pagi ini.

Liang ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah Yang di-Pertuan Agong Selasa lalu mendedahkan Anwar yang juga ahli Parlimen Permatang Pauh itu memiliki 20 akaun bank yang berpangkalan di luar negara termasuk Israel dengan jumlah simpanan kira-kira RM332 juta dengan memetik maklumat daripada WikiLeaks. - 4 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pandikar-teliti-tindakan-ke-atas-ahli-parlimen-kerana-tuduh-anwar/>